

Program Pengajian UPM terima Akreditasi APEL C MQA

Oleh: Ameesya Aghniya Ab Rahim



SERDANG, 20 November – Universiti mula tawar program pengajian melalui mode APEL C setelah menerima akreditasi tersebut dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi semua program pengajian yang ditawarkan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Akreditasi APEL C ini memudahkan pelajar untuk mendapatkan pindahan kredit kursus dalam program yang diikuti berdasarkan pengalaman sedia ada atau terkumpul bagi serta mengurangkan kos dan masa tamat pengajian.

Pengarah Pusat Jaminan Kualiti, UPM, Prof. Ir. Dr. Abd. Rahim Abu Talib berkata, fungsi APEL C ini memudahkan pelajar diploma, *degree* serta sarjana semasa untuk memohon pindahan kredit berdasarkan pengalaman mereka.

“Proses penilaian juga berlaku dengan memberi tugas atau portfolio bergantung kepada program pengajian berkaitan dengan pengalaman itu boleh menggantikan kredit dimana mereka tidak perlu ambil subjek atau kursus tersebut,” katanya yang ditemui selepas Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM semalam.

Menurut beliau, pelajar juga akan mendapat nasihat daripada penasihat yang mengurus dalam hal ini mengenai kelayakan berdasarkan pengalaman kerja mereka.

“Unit APEL ini terletak di bawah Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir, UPM dan pegawai-pegawai bertanggungjawab akan uruskan permohonan pelajar yang memohon melalui fakulti mereka.

“Permohonan yang dilakukan oleh mereka berdasarkan pengalaman bekerja dan harus seiring dengan program diambil serta adanya proses penilaian,” katanya.





Dalam pada itu, UPM telah menerima Akreditasi APEL C pada bulan Ogos lalu dan peluang ini dibuka kepada semua program di UPM kecuali program penyelidikan bagi mengiktiraf pengalaman kerjaya dalam melengkapkan pengajian.

Berita Lain...




Cicada serangga 'nyaring', simpan rahsia ekosistem hutan

[Baca lagi »](#)



UPM Angkat Kearifan Melayu ke Pentas Dunia

[Baca lagi »](#)



AgriHub@Gedong perkukuh inovasi pertanian pintar di Sarawak

[Baca lagi »](#)



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan



Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

[2025](#)

[2024](#)

[2023](#)

[2022](#)

[2021](#)

[2020](#)

[2019](#)

[2018](#)

[2017](#)



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

+603-9769 1000

pspk@upm.edu.my

Media

Berita

Artikel

Video

Keratan Akhbar

Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings

Nombor Plat UPM


Give to UPM

Tender dan Kontrak

Kementerian Pendidikan Tinggi

UPM AI HUB

Sustainability@UPM



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia